

1. Antara berikut adalah peranan kerajaan sebagai pengeluar dalam sesuatu ekonomi?
 - A. Membina hospital untuk penduduk di kawasan perumahan
 - B. Menawarkan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan awam.
 - C. Menyediakan kemudahan pinjaman perumahan dan kenderaan kepada kakitangan kerajaan.
 - D. Memastikan kadar penganggura di negara kurang daripada 4%.

2. Antara yang berikut, yang manakah peranan kerajaan dalam mencapai objektif makroekonomi negara?
 - I Tingkat harga umum meningkat
 - II Imbangan pembayaran yang seimbang
 - III Kadar pengangguran kurang daripada 4%
 - IV Kadar pengangguran lebih daripada 4%
 - A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

3. Antara yang berikut, yang manakah benar tentang inflasi?
 - I Tingkat harga umum naik berterusan.
 - II Kuasa beli pengguna menurun
 - III Kuasa beli pengguna meningkat.
 - IV Firma mengalami kerugian dan terpaksa membuang pekerja.
 - A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

4. Inflasi tarikan permintaan berlaku apabila
- A kos pengeluaran menurun
 - B harga barang dari luar negara turun
 - C kerajaan memberi kenaikan gaji kepada semua kakitangan kerajaan.
 - D pengangguran dalam negara tinggi

Jadual di bawah menunjukkan anggaran hasil kerajaan persekutuan bagi tempoh satu tahun.

Sumber Hasil	RM (juta)
Cukai pendapatan individu	12 360
Duti eksport	670
Lesen / Permit	5 600
Cukai pendapatan koperasi	150
Duti import	3 567
Duti eksais	2 550

5. Berapakah jumlah anggaran hasil kerajaan daripada cukai tidak langsung pada tahun tersebut ?
- A RM 6 787 juta
 - B RM 12 510 juta
 - C RM 6 677 juta
 - D RM 5 567 juta
6. Antara berikut contoh cukai progresif?
- A Cukai pendapatan individu
 - B Cukai syarikat
 - C Cukai pendapatan koperasi
 - D Cukai pendapatan petroleum

7. Berikut adalah merupakan kategori perbelanjaan mengurus?

- I Bayaran gaji kepada kakitangan kerajaan
- II Perbelanjaan untuk membeli peralatan pertahanan negara
- III Perbelanjaan ke atas prasarana untuk kemudahan masyarakat.
- IV Pemberian biasiswa kepada pelajar IPTA

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

8. Pilih pernyataan yang betul

Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan Pembangunan
A. Bayaran gaji kakitangan	Bayaran khidmat hutang
B. Perkhidmatan Sosial	Sektor perkhidmatan ekonomi
C. Emolumen, pencen dan ganjaran	Pentadbiran Am
D. Sektor Perkhidmatan Ekonomi	Bekalan dan perkhidmatan

9. Bagaimanakah Dasar kewangan boleh membantu menyelesaikan masalah semasa inflasi?

- A menurunkan nisbah rizab berkanun
- B menaikkan nisbah rizab berkanun
- C menurunkan kadar cukai kepada masyarakat.
- D meningkatkan perbelanjaan kerajaan

10. Bagaimanakah Dasar kewangan boleh membantu menyelesaikan masalah semasa Kemelesatan ekonomi?

- A menaikkan nisbah rizab berkanun
- B Menaikkan nisbah rizab tunai
- C Menaikkan kadar faedah
- D Melonggarkan syarat sewa beli

